

Edisi Kedua 2024

MITASA
KESATUAN KAKITANGAN AKADEMIK UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



Suara

MITASA

Bengkel e-TUIS,
bantu kesatuan
lebih efisien

Risiko psikososial
tempat kerja:
ke arah menjadikan UiTM
sebagai majikan yang
sihat dan selamat

Usah aniaya anak buah,
jawatan adalah amanah
dan keadilan

Kenapa Susahnya
Nak Naik Pangkat?

PTM beri pendedahan
kepada pensyarah baharu

Insentif Kecemerlangan
SPM terus bantu anak
ahli MITASA

ISSN 3083-6116



9 773063 611009

Permulaan yang sempurna



Insentif Kecemerlangan SPM 2023 - MITASA bantu lebih 50 penerima

Bukan sahaja kebajikan ahli, malah Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM (MITASA) juga turut menyalurkan sumbangan kepada anak-anak ahli MITASA yang memperoleh kejayaan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia, setiap tahun.

Meneruskan tradisi, untuk tahun ini, MITASA telah mengadakan Majlis Penyampaian Insentif Kecemerlangan SPM 2023-MITASA pada 28 Jun dan turut mendapat kerjasama daripada pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR).

Lebih 20 anak-anak ahli MITASA yang layak telah hadir bersama ibu bapa masing-masing bagi menerima insentif tersebut di sini yang turut dihadiri Ketua Pustakawan PTAR, Ts Haji Azizi Jantan.

Timbalan Presiden MITASA, Encik Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli dalam ucapannya berkata, sumbangan kecemerlangan tersebut bukanlah besar jumlahnya jika hendak dibandingkan dengan keterujaan ibu bapa untuk melihat anak-anak melangkah ke menara gading.

Katanya, usaha MITASA ini adalah satu sumbangan kecil untuk anak-anak ahli MITASA dalam menyediakan keperluan untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi.

“Kebetulan pula hari ini akan keluar keputusan untuk kemasukan ke universiti. Kami di MITASA mengalu-alukan kedatangan anak-anak kita semua ke UiTM bagi menyambung pelajaran dalam bidang yang diminati masing-masing.

“Semoga berjaya satu hari nanti dalam apa sahaja yang kita ceburi, banggakan ibu bapa anda dan balaslah jasa mereka sebaik mungkin. Jadilah anak Malaysia yang berguna untuk negara, bangsa dan agama,”katanya.

Mohd Amirul memberitahu, untuk majlis berkenaan, pihaknya meraikan hanya separuh daripada jumlah keseluruhan lebih 50 penerima untuk Insentif SPM-MITASA kali ini. Ini kerana, untuk ahli yang berada di cawangan dan negeri lain, sumbangan disampaikan melalui penyelarasan cawangan ataupun pemindahan sumbangan terus ke akaun penerima.

Untuk sebarang urusan berkaitan akses terhadap MITASA, ahli-ahli boleh mengikuti kami di platform media sosial MITASA dengan mengimbas kod QR yang disediakan seperti Tiktok, Facebook, Instagram dan Twitter. Bersama ini juga disertakan kod QR untuk pendaftaran sebagai ahli dan borang aduan untuk ahli yang memerlukan.

Media Sosial MITASA




Tiktok



Facebook



Twitter



Instagram



Laman Web

Keahlian & Aduan



Kemaskini Keahlian



Borang Ahli



Borang Aduan



Siti Fatimah Awang
Setiausaha Media dan
Korporat MITASA
010-9280262



**Nadra Sharfina
Ab Rahman**
Setiausaha Pejabat MITASA
018-2365130